

02/04/1999

Galeri Petrosains dibuka

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia bakal menjadi pusat sumber maklumat sains petroleum menjelang tahun 2000 berikutan pembukaan Galeri Petronas-Sains (Petrosains) bertaraf dunia oleh syarikat minyak nasional, Petronas.

Pengarah Projek Petrosains Sdn Bhd, Tengku Nasariah Tengku Syed Ibrahim, berkata Petrosains adalah projek yang diwujudkan bagi mengubah persepsi masyarakat terhadap sains petroleum.

"Selama ini konsep sains seringkali dianggap rumit dan sukar difahami tetapi di Petrosains, pengunjung akan didedahkan kepada konsep baru iaitu pusat sains sebagai tempat hiburan dan rekreasi," katanya pada perasmian pusat itu di Menara Berkembar Petronas (KLCC), di sini hari ini.

Nasariah berkata, pusat itu bagi merealisasikan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menjadikan negara pusat teknologi maklumat (IT) selaras Wawasan 2020.

Pusat ini dibuka setiap hari dari Selasa hingga Ahad dari jam 9.30 pagi hingga 5.30 petang kecuali Jumaat, ia dibuka dari jam 2.30 petang hingga 7 malam dengan bayaran RM12 bagi dewasa, remaja (RM7) dan kanak-kanak (RM5).

(END)